

Smart Cutter

- Mampu meraih buah kelapa sawit seluas 20 hektar dalam masa sehari
- Menggunakan tenaga motor berkuasa 1.8 liter enjin petrol berbanding tiga atau empat hari menggunakan sabit biasa
- Mempunyai berat lapan ke sembilan kilogram
- Kajian masih terus dijalankan untuk mengurangkan lagi berat itu, dengan mengekalkan kuasa pemotongannya.



Penolong penyelidik, Mohd Harizan memegang 'smart cutter' di PRPI, UPM baru-baru ini.

[MUHD ASYRAF SAWAL/ BH]

Smart Cutter bantu pekebun kelapa sawit

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

Pengusaha kebun kelapa sawit boleh mempercepatkan kerja meraih buah tanaman itu empat kali lebih pantas dengan menggunakan pemotong sawit bermotor, 'Smart Cutter'.

Peralatan kreatif itu hasil inovasi pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof

Madya Dr Norhisam Mison yang juga generasi kedua FELDA mampu meraih buah kelapa sawit seluas 20 hektar dalam masa sehari menggunakan tenaga motor berkuasa 1.8 liter enjin petrol berbanding tiga atau empat hari menggunakan sabit biasa.

Beliau berkata, 'Smart

Cutter' ciptaannya bersama beberapa kohort pelajar sarjana dan doktor falsafah fakulti kejuruteraan UPM itu mampu menyabit buah dengan ketinggian lebih 4.6 meter dalam masa kurang tiga saat.

"Selain menyabit buah, penggunaannya dipelbagai-kan untuk memperkemas

pelepah dengan menggunakan sabit atau ditukar di bahagian hujungnya dengan gergaji kecil. Keunikan produk ini ialah ia mempunyai kelebihan untuk menyabit buah pada pokok tinggi, mempercepatkan proses penuaian dan mampu mengekalkan tahap kuasa sabit walaupun ketinggian ditambah.

"Ia bukan sabit mekanikal seperti yang sedia ada di pasaran, tetapi sabit bermotor yang menggunakan sistem elektrik menerusi generator dan motor dibangunkan kami sendiri," katanya ketika ditemui di Pameran Rekacipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) di UPM, baru-baru ini.

Cabaran

Dr Norhisam berkata, cabaran menyiapkan produk yang mengambil masa empat tahun itu ialah untuk mereka dan mencipta generator serta motor yang mampu mengekalkan kuasa tinggi dan konsisten walaupun ditambah tingginya.

"Memang ada generator dan motor berkuasa tinggi di pasaran, namun saiznya terlalu besar dan berat, justeru dengan bantuan geran penyelidikan daripada Lembaga Kelapa Sawit Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan UPM sendiri kami berjaya menghasilkan 'Smart Cutter' yang ada sekarang ini.

"Produk ini tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan penyelidikan atau inovasi sebelum ini kerana memang dicipta khas untuk tujuan komersial yang mampu meningkatkan produktiviti dalam industri sawit," kata anak kelahiran Felda Air Tawar 5, Kota Tinggi, Johor itu.

Bersandarkan teknologi baru pada produk berkenaan, 'Smart Cutter' akan dijual dengan harga sekitar RM3,000 selepas dikomersialkan nanti.



Dr Norhisam Mison